

DOKUMEN TIDAK DIBENARKAN

Bahagian Perkhidmatan Pembaca & Rujukan
Peperiksaan Tun Abdul Razak
Institut Teknologi MARA
Shah Alam
Belangor.

LUKISAN TERUKUR

THESIS



Kajian Bangunan Lama
Mesjid Sg. Ramal Luar, Kajang

**kursus senibina jpa/itm
1983/84**

Kandungan

muka surat

| | | |
|----|--------------------|----|
| 1. | Pendahuluan | 2 |
| 2. | Sejarah | 3 |
| 3. | Falsafah Bangunan | 5 |
| 4. | Falsafah Pembinaan | 6 |
| 5. | Gambar 1 - 21 | 11 |
| 6. | Penutup | 36 |
| 7. | Rujukan | 37 |



Gambar Hadapan

Pandangan Mesjid Sg. Ramal Luar yang dibina pada tahun 1929. Pada ketika itu mesjid ini berada di zaman dan sebelum peperangan dunia kedua, di mana binaannya masih kukuh dan masih lagi digunakan.

2.1 PENDAHULUAN

Mesjid Sg. Ramal Luar, Kajang, Selangor, telah dibina pada tahun 1929 dengan harga sebanyak \$40,000/-, wang ini datangnye dari seorang bijakpandai iaitu Pegawai Daerah yang bernama Datuk Abu Samah. Beliau telah beriktir supaya penduduk-penduduk kampung yang kebanyakannya penoreh getah mengeneipkan sejumlah wang, dari kupon getah mereka dikumpul dan dari sedekah jahriah orang ramai.

Tiga buah mesjid yang serupa telah dibina dengan cara ini iaitu di Jeram, Batu 17 Ulu Langat, dan termasuk Sg. Ramal Luar.

Mesjid ini telah dibina oleh seorang kontraktor Cina dari Kuala Lumpur namanya ialah Bong Siew. Kontraktor ini telahpun meninggal dunia dan tidak dapat maklumat dari beliau. Pelan asal juga tidak dapat dikesan begitu juga dengan akitek yang mereka mesjid itu.

Pada tahun enam puluhan meningkatnye jumlah penduduk-penduduk yang tidak dapat menampung jemaah, jadi satu tambahan telah dibuat dengan harga sebanyak \$10,000/-.

Pembinaan mesjid ini adalah mengikut peringkat-peringkat. Peringkat I ianya empat persegi tepat, Peringkat II ialah empat persegi bujur tambahan dan Peringkat III mesjid itu dijadikan empat persegi tepat tambahan 150'-0" x 150'-0". Pagar dan tandas kepada mesjid itu adalah sumbangan dari Lembaga Loteri dan Kebajikan Masyarakat kerana penduduk-penduduk di situ enggan mencemar mesjid mereka dengan wang dari sumbangan Lembaga Loteri.

Bahan binaan mesjid seperti kayu cengal untuk kerangka bumbong dipercayai dibawa dari hutan Ulu Langat.

Bentuk asal dipercayai empat persegi dan kemudian tambahan dibuat. Bentuknye tidak berubah, yang ditukar cuma bahan binaan yang digunakan seperti bahan asal lantai mesjid ialah simen kemudian di-